



MANUAL KHUTBAH JUMAAT




TAJUK ;
MEMELIHARA AL-QURAN
TANGGUNGJAWAB
BERSAMA



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYDENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"ZAKAT ITU URUSAN PEMERINTAH". 1

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَائِلِ: اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي اَنْزَلَ عَلٰى عَبْدِهِ الْكِتٰبَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ وِعْوًا ﴿١﴾	2
اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ اَجْمَعِيْنَ.	3
اَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللّٰهَ! اُوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ فَقَدْ فَاَزَ الْمُتَّقُونَ.	4
قَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوْتُنَّ اِلَّا وَاَنْتُمْ مُّسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	4
Muslimin yang dirahmati Allah sekalian, Pada hari Jumaat yang mulia ini, saya berpesan kepada diri saya dan sidang jemaah sekalian untuk bersungguh-sungguh meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, iaitu dengan melaksanakan perintah Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya takwa adalah bekalan yang terbaik untuk kebahagiaan hidup kita sama ada di dunia mahupun di akhirat.	5
Tajuk khutbah Jumaat pada hari ini ialah "MEMELIHARA KESUCIAN AL-QURAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA" . Hadirin sidang Jumaat sekalian,	6



Al-Quran ialah kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi kita Muhammad SAW dalam bahasa Arab, menerusi perantaraan Jibril AS, disampaikan kepada kita secara *mutawatir*, dimulai dengan surah al-Fatihah, diakhiri dengan surah al-Nas dan membacanya adalah suatu ibadah.

7

Allah SWT menurunkan al-Quran untuk menjadi panduan hidup manusia sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 2:

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

8

"Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa."

Kitab al-Quran juga menerangkan kebesaran Allah SWT, mengandungi perundangan kehidupan dan merupakan mukjizat sepanjang zaman.

9

Al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW adalah saling berkait rapat dalam setiap ketetapan hukum itu. Ianya adalah untuk menguatkan lagi setiap ketetapan dan hukum yang terdapat dalam al-Quran yang disebut sebagai Bayan Al-Taqrir yang bererti memperkuat isi kandungan Al-Quran. Sebagai contoh hadis berkaitan perintah wudhu,

10

iaitu sabda Nabi SAW bermaksud:

"Tidak diterima Solat seseorang itu yang berhadap sampai ia berwudhu"

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

11



Hadis tersebut mentaqrir dari surah al-Maidah ayat 6 yang bermaksud:

"Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat, maka basuhlah muka dan tanganmu sampai ke siku, dan sapulah kepalamu dan (basuh) kakimu sampai dengan kedua buku lali."

12

Sesungguhnya penurunan al-Quran adalah anugerah Allah SWT kepada kita dan semestinya kita perlu banyak mensyukurinya sebagaimana firman-Nya dalam ayat 1 dan 2 surah al-Kahfi:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا ۝
قَيِّمًا لِيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا مِّن لَّدُنْهُ وَيُبَشِّرَ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ
الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا حَسَنًا ۝

13

"Segala puji tertentu bagi Allah yang telah menurunkan kepada hamba-Nya (Muhammad), Kitab suci al-Quran dan tidak menjadikan padanya sesuatu yang bengkok (terpesong). (Bahkan keadaannya) tetap benar lagi menjadi pengawas turunnya al-Quran untuk memberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar) dengan azab yang seberat-beratnya dari sisi Allah dan memberi berita gembira kepada orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka akan beroleh balasan yang baik."

14



Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Satu keistimewaan al-Quran yang berlainan dengan kitab samawi yang lain ialah nasnya dipelihara oleh Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Hijr ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

"Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya."

15

Jelas kepada kita bahawa ayat ini memberikan jaminan tentang kesucian dan kemurnian al-Quran selama-lamanya hingga ke akhir zaman dari pemalsuan. Bahkan dari tahun ke tahun bertambahnya para huffaz yang menyempurnakan hafalan ayat-ayat Allah ini. Hal ini berlaku rentetan wujudnya kecenderungan mendalam masyarakat terhadap pendidikan agama aliran tahfiz yang sangat tinggi masa kini hinggakan sebahagian daripada institusi ini berada di bawah kendalian pihak berkuasa agama negeri-negeri..

16

Namun baru-baru ini kita semua dikejutkan dengan betapa banyaknya kemusnahan yang berlaku terhadap naskhah-naskhah al-Quran yang berada masjid, surau, sekolah dan rumah-rumah persendirian ekoran berlakunya banjir besar di beberapa daerah dalam Negeri Selangor, namun ada usaha-usaha yang murni daripada banyak pihak yang membantu JAIS dalam mengumpulkan al-Quran yang rosak. Lebih 155 tan kitab suci dan bahan-bahan yang mengandungi ayat al-Quran telah dapat dikumpul dan dilupuskan oleh pihak JAIS selaras dengan rasa tanggungjawab pihak Jabatan untuk menjaga kesucian al-Quran

17



<p>Sebenarnya, di sebalik musibah yang berlaku ini, kita diuji untuk menanamkan rasa prihatin kita terhadap keperluan saudara-saudara kita yang menghadapi musibah lebih-lebih lagi bagi para pelajar yang memerlukan naskhah-naskhah al-Quran dan buku-buku agama untuk meneruskan pembelajaran mereka.</p>	18
<p>Lantaran itu, pihak JAIS menyeru semua umat Islam agar dapat menginfakkan wang sebanyak RM 30.00 senaskhah untuk tujuan wakaf al-Quran ke Tabung Dana Wakaf Al-Quran Selangor (Pasca Banjir). JAIS melalui Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) menyasarkan sebanyak 50,000 naskhah al-Quran untuk diedarkan ke masjid, surau serta sekolah agama dan maahad tahfiz serta orang awam yang terjejas akibat banjir sebagai ganti al-Quran yang telah rosak.</p>	19
<p>Hadirin yang dirahmati Allah SWT,</p> <p>Kita patut bersyukur kerana kesucian dan kemuliaan al-Quran masih lagi terpelihara dan terjaga dengan baiknya dalam Negara kita. Ini kerana Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah ditugaskan untuk melaksanakan penguatkuasaan dan kawalan berkaitan dengan teks dan bahan al-Quran menerusi Akta Pencetakan Teks al-Quran 1986 (Akta 326). Menerusi Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Teks al-Quran (Lajnah Tasheh al-Quran) yang dianggotai 35 orang dalam kalangan para penghafaz al-Quran dan berkemahiran tinggi dalam penulisan al-Quran, telah berperanan memastikan ketepatan setiap ayat al-Quran sebelum dibenarkan ia dicetak.</p>	20



Muslimin yang dikasihi sekalian,

Dari aspek penguatkuasaan, pihak KDN di negeri-negeri akan menjalankan pemantauan berkala di premis-premis perniagaan, penaziran berjadual di syarikat penerbitan dan percetakan serta pemeriksaan bersepadu berdasarkan aduan di mana-mana premis. Oleh sebab itu, dengan adanya penguatkuasaan dan kawalan, mushaf yang tersebar di negara ini adalah terpelihara daripada kesalahan dan penyelewengan.

21

Manakala dari aspek kualiti, pihak KDN mewajibkan setiap penerbit menggunakan kertas yang berkualiti untuk cetakan mushaf, mesti mengikut garis panduan yang ditetapkan iaitu kaedah penandaan ayat atau bacaan, dan juga garis panduan penamaan judul mushaf.

22

Hadirin sidang Jumaat sekalian,

Tanggungjawab memelihara ketepatan cetakan mushaf al-Quran di Malaysia memerlukan kerjasama bersepadu antara agensi kerajaan dengan orang ramai. Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, penyelewengan dan pemalsuan dalam cetakan dan penerbitan yang terbaharu, orang ramai hendaklah memastikan setiap mushaf mempunyai cop kelulusan KDN dan pelekat hologram KDN sebagai bukti keabsahan cetakan mengikut kelulusan yang diputuskan oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Percetakan al-Quran KDN. Jika didapati sebaliknya maka bolehlah mengemukakan aduan ke pihak KDN negeri bagi tujuan siasatan, pemeriksaan dan penguatkuasaan.

23



Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah sama-sama kita hayati perkara berikut:

1. Umat Islam hendaklah beriman, yakin dan tiada keraguan terhadap kebenaran dan ketetapan al-Quran yang merupakan kalamullah untuk panduan umat manusia.
2. Umat Islam hendaklah memastikan al-Quran yang dimiliki adalah yang telah mendapat pengesahan daripada pihak KDN.
3. Umat Islam hendaklah memahami bahawa kemuliaan al-Quran hendaklah dipelihara dengan melupuskannya mengikut tatacara pelupusan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri.
4. Umat Islam hendaklah menjadikan bacaan al-Quran sebagai amalan harian dan bukan sekadar memperoleh ganjaran dan pahala semata-mata, bahkan untuk ditadabbur dan dihayati oleh umat Islam dalam kehidupan seharian mereka.
- 5.

24

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّهُ وَلَقُرْءَانٌ كَرِيمٌ ﴿٧٧﴾ فِي كِتَابٍ مَّكْنُونٍ ﴿٧٨﴾ لَا يَمَسُّهُ إِلَّا الْمُطَهَّرُونَ
﴿٧٩﴾ تَنْزِيلٌ مِّن رَّبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٨٠﴾

25

"Bahawa sesungguhnya (yang dibacakan kepada kamu) itu ialah Al-Quran yang mulia, (yang sentiasa memberi ajaran dan pimpinan). Yang tersimpan dalam Kitab yang cukup terpelihara, yang tidak disentuh melainkan oleh makhluk-makhluk yang diakui bersih suci. Al-Quran itu diturunkan dari Allah Tuhan sekalian alam."

(Surah al-Waqi'ah : 77-80).

26



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،</p>	1
<p>وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19.</p>	5
<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin dengan sentiasa mematuhi SOP dan ambillah pengajaran atas apa yang berlaku, berhati-hati dan beringatlah selalu walau kita diberi kebebasan untuk bergerak. Ini kerana Negara masih memerangi wabak Covid-19 ini demi keselamatan diri kita serta masyarakat keseluruhannya.</p>	6
<p>Bagi yang terkesan dengan wabak ini, janganlah mengambil jalan mudah dengan memudarati dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berasaskan keimanan yang mantap.</p>	7



Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :	8
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾	9
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَن أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.	10
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	11
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.	12
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	13
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	14



اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	15
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِّلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	16
Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.	17
Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu	18
Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.	19
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	20



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	21
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾	22
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢١﴾	23
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	24